

# Keperluan nilai semula federalisme Malaysia



## PERSPEKTIF

MISRINAH MISBAN

**T**itah yang dizahirkan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah; Tunku Mahkota Johor, Tunku Mahkota Ismail dan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah mutakhir ini memperlihatkan satu perkembangan yang amat penting dalam landskap ketatanegaraan Malaysia iaitu kebangkitan semula wacana federalisme dan tuntutan supaya hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dinilai semula secara lebih adil dan seimbang.

Jelas titah ini muncul daripada realiti banyak negeri merasakan mereka menanggung tanggungjawab besar terhadap pembangunan ekonomi, pemeliharaan sumber asli, keselamatan makanan, alam sekitar dan kesejahteraan rakyat, namun kuasa fiskal dan kewangan sebenar terlalu tertumpu kepada Kerajaan Persekutuan.

Dalam titahnya di Dewan Negeri Pahang pada 8 Mei 2026, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah secara terbuka menzahirkan rasa prihatin terhadap 'keadilan undang-undang

Persekutuan yang tidak berpihak pada hak-hak negeri saya'.

Apa yang lebih menggambarkan keseriusan perkara ini ialah apabila Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah memberi bayangan bahawa Pahang mungkin mengambil tindakan terhadap Kerajaan Persekutuan dan meminta penasihat undang-undang negeri mengkaji tindakan yang boleh diambil.

Dari sudut perundangan, beberapa bentuk tindakan sebenarnya boleh dipertimbangkan oleh sesebuah negeri.

Antaranya semakan kehakiman terhadap keputusan Kerajaan Persekutuan sekiranya negeri berpendapat tindakan itu melampaui kuasa Persekutuan atau bercanggah dengan pembahagian kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan.

Negeri juga boleh membawa pertikaian perlembagaan terus ke Mahkamah Persekutuan di bawah bidang kuasa asal mahkamah tersebut melibatkan pertikaian antara Persekutuan dan negeri.

Selain itu, negeri boleh menuntut semakan semula formula pemberian ke-

wangan dibawah Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan melalui Majlis Kewangan Negara. Negeri-negeri juga boleh menekan supaya diwujudkan formula *equalization grant* seperti di negara federal lain yang mengambil kira keluasan negeri, tahap kemiskinan, tanggungjawab alam sekitar, kos logistik dan jurang pembangunan, bukan sekadar jumlah penduduk semata-mata.

Sebenarnya, secara teori, Malaysia ialah sebuah negara federal, namun dari sudut praktik, Malaysia sering dianggap antara sistem federal paling berpusat di Asia. Sebahagian besar hasil utama seperti cukai pendapatan, cukai korporat dan duti eksais dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Negeri pula banyak bergantung kepada premium tanah, balak, pasir dan geran pusat.

Situasi ini sangat berbeza dengan negara federal lain seperti Kanada, Australia dan Jerman. Di Kanada, wilayah mempunyai autonomi luas terhadap sumber asli dan percukaian tertentu. Di Australia pula, wujud sistem *equalization grant* yang memastikan negeri-negeri kurang maju tidak tertinggal.

Malaysia pula masih mengekalkan model yang sangat tertumpu kepada pusat sehingga banyak negeri merasakan mereka

terlalu bergantung kepada kelulusan Putrajaya untuk melaksanakan pembangunan asas.

Sebab itu, titah-titah Raja-Raja Melayu ini perlu dilihat bukan sebagai ancaman kepada Persekutuan, tetapi sebagai satu ingatan federalisme Malaysia memerlukan reformasi yang serius dan matang.

Perbincangan mengenai reformasi federalisme tidak perlu menimbulkan kebingungan kerana tidak ada pun negeri yang mahu memisahkan diri daripada Malaysia.

Untuk itu, sesuai dengan nada ini maka sudah tiba masanya Malaysia meneliti semula formula pemberian kewangan negeri, memperkukuh kuasa fiskal negeri, memperkenalkan model pampasan ekologi untuk negeri yang memelihara hutan dan tadahan air serta mengurangkan birokrasi pusat dalam projek pembangunan negeri.

Jika perkara ini gagal ditangani, maka rasa tidak puas hati negeri terhadap pusat akan terus meningkat.

*\*Misinah Misban ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS), Kolej Undang-Undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)*